

27 APR 1996

Mahathir-Korban

BERKORBAN UNTUK PERTAHANAN KESUCIAN AGAMA

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Umat Islam di negara ini hendaklah bersedia membuat pengorbanan untuk menegak dan mempertahankan kesucian agama Islam agar nasib mereka terus terbela, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam perutusannya sempena sambutan Hari Raya Aidiladha esok, Perdana Menteri berkata umat Islam di Malaysia amat bertuah kerana terus dapat menyambut Hari Raya Korban tanpa sebarang halangan dan masalah berbanding di sesetengah negara lain.

"Jika dibandingkan dengan umat Islam di sesetengah negara, pengorbanan umat Islam di negara kita dalam menegak dan mempertahankan agama Islam adalah kecil.

"Sedangkan pengorbanan kita terhad kepada penyembelihan binatang peliharaan seperti lembu, kerbau dan kambing di waktu hari kebesaran agama kita, umat Islam lain terpaksa benar-benar berkorban termasuk mempertaruhkan nyawa untuk mempertahankan agama Islam, umat Islam dan negara islam mereka daripada dihapuskan oleh musuh-musuh Islam dari muka bumi ini," katanya.

Beliau memberi contoh nasib malang yang menimpa umat islam di beberapa negara seperti Bosnia-Herzegovina, Chechnya dan Palestin.

Perdana Menteri berkata nasib buruk seumpama itu tidak berlaku di negara ini disebabkan umat di Malaysia sedar lebih awal tentang perlunya memperlengkapkan diri dengan ilmu dan kecekapan bagi mempertahankan diri daripada ancaman.

Katanya kebolehan membangun dan memajukan diri sebagai umat Islam dalam masyarakat pelbagai kaum di negara ini "telah menyebabkan kita dihormati, disanjung dan dicontohi oleh orang lain".

"Umat Islam di negara kita tidak boleh dipermainkan-mainkan atau dipersenda-sendakan seperti yang dilakukan terhadap umat Islam lain oleh musuh-musuh Islam."

Dr Mahathir juga yakin jemaah Haji Malaysia yang berada di Tanah Suci telah dapat melakukan ibadah mereka dengan sempurna serta membawa pulang pengalaman untuk dimanfaatkan bersama.

Sempena sambutan itu, Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada seluruh umat Islam di negara ini.

-- Bernama.

MOK AHH